



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Ahli PIDM

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : www.poi2u.com

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Polisi Insurans PrORumah)

(PEMBELIAN MELALUI DALAM TALIAN, LAMAN SESAWANG DAN Poi2u APPS)

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Empunya rumah / Isi Rumah (PrORumah). Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Pacific & Orient Insurance Co. Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan kepada bangunan kediaman dan/atau kandungan terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan akibat kebakaran, kilat atau oleh sebarang kejadian yang diinsuranskan yang disebut dalam polisi insurans.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kehilangan atau kerosakan pada bangunan dan kandungan yang disebabkan oleh perkara berikut:

Acara yang Diinsuranskan:

- i) Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah;
- ii) Letupan;
- iii) Pesawat udara dan peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya;
- iv) Hentaman terhadap mana-mana bangunan oleh sebarang kenderaan jalanraya atau binatang bukan kepunyaan atau bukan di bawah kawalan pihak diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarganya;
- v) Pecahnya atau melimpahnya tangki peralatan atau paip air rumah (tertakluk kepada fasal lebihan);
- vi) Kecurian dengan terbuka sebenar menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam atau keluar dari bangunan tersebut (tertakluk kepada fasal lebihan);
- vii) Hurikan, siklon, taufan, dan ribut angin (tertakluk kepada fasal lebihan);
- viii) Gempa bumi dan letupan gunung berapi (tertakluk kepada fasal lebihan);
- ix) Banjir tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah (tertakluk kepada fasal lebihan).

Perlindungan tambahan termasuk di bawah Bahagian I – Bangunan:

- i) Insurans sewa;
- ii) Liabiliti kepada awam.
- iii) Peningkatan pecah atau limpahan tangki air, radas atau paip
- iv) Rusuhan, Mogok, Kerosakan Berniat jahat

Perlindungan tambahan termasuk di bawah Bahagian II – Kandungan:

- i) Kandungan Dibuang Buat Sementara
- ii) Pecah kepada Cermin
- iii) Pampasan Kematian
- iv) Harta Hamba
- v) Insurans Sewa
- vi) Liabiliti kepada Orang Awam

- vii) Kehilangan Wang akibat kecurian di rumah
- viii) Rusuhan, Mogok, Kerosakan Berniat jahat

Manfaat Pilihan tersedia tertakluk kepada premium tambahan:

- i) Penenggelaman dan Gelinciran Tanah
- ii) Kerosakan Kaca Plat
- iii) Perlindungan Kecurian Berpanjangan
- iv) Peningkatan Had Liabiliti kepada RM100,000

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.

3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Premium yang anda mesti bayar untuk insurans ini bergantung pada jenis bangunan dan jumlah yang diinsuranskan

Premium minimum polisi ialah RM60.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui*?

Jenis	Amaun
<ul style="list-style-type: none"> • Komisen yang dibayar kepada ejen insurans ▪ Duti setem ▪ Cukai Perkhidmatan (CP) 	<p>15% daripada premium jika dibeli melalui POI2U, pusat panggilan atau kaunter</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM10 ▪ 6% daripada premium
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kewajipan Pendedahan: <ul style="list-style-type: none"> a) Kontrak Insurans Pengguna <ul style="list-style-type: none"> - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. - Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. - Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah. b) Kontrak Insurans Komersial <ul style="list-style-type: none"> - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. 	

- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- c) Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut. Sekiranya jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans terkurang), anda akan dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya dan syarat purata akan dikenakan jika berlaku tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak meliputi:

- i) Peperangan, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan
- ii) Risiko tenaga radioaktif dan nuklear
- iii) Pengecaman tarikh
- iv) Kerosakan harta kepada data atau perisian

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat bayaran balik premium yang diselaraskan berdasarkan kami mengekalkan premium jangka pendek biasa atau premium minimum.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans PrORumah, sila rujuk kepada risalah *infoinsurans* tentang 'Insurans PrORumah, yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskah daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my atau www.poi2u.com

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,
No 10, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2698 5033
Faks : 03-2693 8145
E-mel : poi2u@pacific-orient.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans empunya rumah/ isi rumah yang boleh didapati:

- Polisi Empunya Rumah / Polisi Isi Rumah (Tariff)

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma, syarat dan pengecualian di bawah polisi ini.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI PASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 14.02.2023